

**PERANAN DAN KEBERKESANAN  
INSTITUSI KEBAJIKAN ANAK YATIM DALAM PEMBENTUKKAN INSAN.  
KAJIAN KES DI KOMPLEKS KEBAJIKAN ANAK YATIM LAILA TAIB  
KUCHING.**

**OLEH:**

**NOOR FADHLEEN BT. MAHMUD      99162690  
MOHD FERUZ BIN. ABDUL KHALIK    98444243**

**Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang  
bagi memenuhi sebahagian keperluan Diploma Pentadbiran Awam.**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK.**

**SEPTEMBER 2002**

## JADUAL KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Jadual Kandungan	i
Abstrak	iv
Penghargaan	v
Surat Penyerahan	vii
Daftar Rajah	ix
Daftar Jadual	xi
<b>BAB 1      PENGENALAN</b>	
1.1    Latar Belakang Kajian	1
1.2    Objektif Kajian	4
1.3    Hipotesis	5
1.4    Andaian kajian	6
1.5    Penyata Masalah	8
1.6    Skop Kajian	9
1.7    Kepentingan Kajian	10
1.8    Batasan Kajian	12
1.9    Metodologi Kajian	14
1.10   Ulasan Karya	17
1.11   Rangka Susunan Bab	19

## ABSTRAK

Kajian ini menerangkan serta menghuraikan hasil kajian mengenai peranan dan keberkesanan institusi anak yatim dalam membentuk insan anak-anak yatim yang mendiaminya. Hipotesis yang diuji melalui kajian ini ialah pentingnya institusi kebajikan anak yatim ini ditubuhkan oleh kerajaan dalam memberi perlindungan kepada anak-anak yatim, keberkesanan aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan oleh pihak pengurusan terhadap pembentukan insan anak-anak yatim ini, tahap kualiti perkhidmatan yang tinggi pihak pengurusan menjamin institusi ini untuk terus berkembang dan perspektif masyarakat serta sumbangan orang ramai penting untuk institusi ini maju dan bergerak dengan lebih aktif bagi memberi perkhidmatan yang bermutu kepada anak-anak yatim yang mendiaminya. Seramai 20 orang anak-anak yatim yang telah menjadi responden kepada kajian ini. Soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada 2 bahagian iaitu latar belakang responden dan pendapat responden terhadap institusi kebajikan anak yatim. Kebanyakan daripada maklumat yang diperolehi adalah daripada sesi temuramah dengan pihak pengurusan institusi. Penerangan kajian ini dibuat secara statistik dan huraian yang jelas. Hasil kajian ini menunjukkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak pengurusan hanya berjaya membentuk insan anak-anak yatim ini dari segi akhlak dan moral manakala dari segi akademik ianya menunjukkan pencapaian yang kurang memuaskan. Pihak pengurusan institusi ini perlu mengambil langkah yang sistematik bagi memperbaiki keadaan ini agar tidak berterusan. Melalui cadangan- cadangan yang dikemukakan diharap dapat memberi lembaran baru kepada pihak pengurusan untuk meningkatkan prestasi akademik anak-anak yatim ini.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Isu anak yatim di Malaysia merupakan fenomena yang perlu diambil berat oleh semua pihak seperti badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, masyarakat umum dan juga organisasi swasta. Merujuk kepada Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) iaitu;

“Seksyen 2: Bagi maksud akta ini, seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan jika:

(d) Penjaga kanak-kanak itu telah abai atau berkeberatan untuk mengadakan pemeliharaan, makanan pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak itu.

(e) Kanak-kanak itu tidak mempunyai penjaga atau telah ditinggalkan oleh penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah, penjaga itu tidak dijumpai dan tiada orang lain yang sesuai, sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu.”

Anak yatim boleh didefinisikan sebagai seorang yang ketiadaan ibu, bapa atau kedua-duanya. Maksud ketiadaan ini adalah anak yang sudah kematian salah seorang dari orang tuanya atau kedua-duanya. Namun begitu, secara amnya anak yatim juga boleh dikatakan sebagai anak yang tiada penjaga atas sebab-sebab tertentu. Antaranya, ditinggalkan keluarga. Anak dalam penjagaan institusi ini disebabkan arahan mahkamah atas sebab tertentu yang melibatkan masalah keluarga, anak yang mana ibu bapanya tidak mampu menjaganya kerana masalah

## **BAB 2**

### **INSTITUSI KEBAJIKAN ANAK YATIM NEGERI SARAWAK**

#### **2.1 Pengenalan**

Institusi kebajikan anak yatim di Malaysia adalah dibawah kuasa Kementerian Kebajikan dan Sosial. Terdapat lebih 50 buah institusi-institusi seperti ini di Malaysia yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan di bawah Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Negeri masing-masing dan termasuk yang ditubuhkan oleh badan-badan bukan kerajaan. Sebagai contoh di Sarawak, kompleks Kebajikan Laila Taib adalah di bawah Kerajaan Negeri manakala dua buah lagi institusi iaitu Methodist Children's home Sibu dan Rumah Anak Yatim St. Joseph Convent Serian adalah dibawah badan bukan kerajaan. Walaubagaimanapun fungsi institusi-institusi kebajikan anak yatim ini tetap sama iaitu menjaga kebajikan anak-anak yatim di Sarawak.

#### **2.2 Objektif**

Secara keseluruhannya objektif penubuhan institusi kebajikan anak yatim di Malaysia adalah untuk menjamin jagaan gantian yang menggalakkan pertumbuhan jasmani, mental dan emosi yang sihat dalam suasana yang tenteram dan selamat, disamping membentuk insan terhadap anak-anak yatim ini agar dapat meneruskan kehidupan seperti dapat meneruskan pengajian di peringkat tinggi seterusnya bekerjaya apabila keluar daripada institusi terbabit.